


**INSTITUSI DATO' BANDAR SUNGAI UJONG :
ANALISA TERHADAP KRISIS PERLANTIKAN**

MISRAN BIN SHARIP



**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**


1990/91

INSTITUSI DATO' BANDAR SUNGAI UJONG :
ANALISA TERHADAP KRISIS PERLANTIKAN

MISRAN BIN SHARIP

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN
KEPADA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN
DALAM BIDANG SEJARAH

"KESELURUHAN LATIHAN ILMIAH INI DITULIS
DENGAN PERKATAAN SAYA SENDIRI MELAINKAN
NUKILAN-NUKILAN YANG TELAH SAYA AKUI
TIAP-TIAP SATUNYA."


TANDATANGAN

29/3/91
TARIKH

LATARDIRI

MISRAN BIN SHARIP TELAH DILAHIRKAN PADA 5 APRIL 1966, DI KAMPUNG JIJAN, NILAI, NEGERI SEMBILAN. BELIAU MENDAPAT PENDIDIKAN AWAL DI SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG JIJAN DARI TAHUN 1973 HINGGA 1976. DARI TAHUN 1977 HINGGA 1978 IA TELAH BERSEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN JALAN SEPANG. KEMUDIAN BELIAU TELAH MELANJUTKAN PELAJARAN KE SEKOLAH MENENGAH AGAMA RENDAH LABU SEHINGGA LULUS SIJIL RENDAH PELAJARAN PADA 1981. BELIAU TELAH MENYAMBUNG PELAJARAN HINGGA TAMAT DIPERINGKAT SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA PADA 1987 DI SEKOLAH AGAMA AMPANGAN.

DALAM TAHUN 1987, BELIAU TELAH DITAWARKAN TEMPAT UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN. BELIAU TELAH DIANUGERAHKAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA PADA TAHUN 1990 DAN MELANJUTKAN PENGAJIAN KE PERINGKAT SARJANAMUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN DIBIDANG SEJARAH PADA TAHUN YANG BERIKUTNYA.

09/3/91
TARIKH


TANDATANGAN

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu wata ala kerana dengan keizinan dan limpah kurniannya dapat juga saya menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Rakaman penghargaan dan terima kasih pertamanya saya tujukan kepada Dr. Khasnor Johan, selaku penyelia saya yang tidak jemu-jemu memberi nasihat dan petunjuk dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Kepada beliau saya pohonkan semoga Allah memberi rahmat dan kesejahteraan yang berkekalan.

Ucapan terimakasih ini juga saya hulurkan kepada semua pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah melengkapi saya dengan berbagai ilmu pengetahuan melalui kursus-kursus yang telah saya ikuti sepanjang empat tahun pengajian saya di sini.

Jutaan terimakasih juga saya ucapkan kepada semua Dato' Lembaga dan Buapak-buapak yang sudi untuk ditemubual dan memberi pandangan dan nasihat semasa saya menulis latihan ilmiah ini.

Seterusnya saya sampaikan ucapan terimakasih ini kepada semua kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang dan

koleksi Adat Perpatih di Seremban, terutama kepada Tuan Haji Mohamad bin Taino yang membenarkan saya membuat penyelidikan di sana.

Akhir sekali, penghargaan ini istimewa saya tujukan buat emak dan abah serta seluruh keluarga yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak ketinggalan juga kepada teman-teman seperjuangan yang sama-sama berjuang untuk maju terutama YSL Group dan teristimewa buat along Aisyah yang sentiasa memberi dorongan dan semangat serta banyak mencatat kenangan manis disepanjang pengajian saya di kampus yang permai ini.

"SEMOGA ALLAH MEMBERI KESEJAHTERAAN BUAT SEMUA."

MISRAN SHARIP
JABATAN SEJARAH
UKM, BANGI

5/4/91

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini mengandungi empat bab semuanya. Bab pertama khusus membicarakan tentang latar belakang Sungai Ujong. Dalam bab ini penulis menyingkap kembali sejarah awal Sungai Ujong, penduduk dan kedatangan masyarakat Minangkabau yang membentuk sistem pemerintahan yang unik.

Seterusnya dalam bab dua, penulis membincangkan Adat Perpatih sebagai satu konsep dan amalan. Perbincangan bermula dari asal usul Adat Perpatih dan menyentuh tentang corak pemerintahan dalam Adat Perpatih. Penulis juga membincangkan konsep-konsep umum yang menjadi ciri masyarakat Minangkabau yang mengamalkan Adat Perpatih seperti waris, terombo, luak, suku, jurai, perut, Buapak, Lembaga dan Undang. Konsep-konsep ini menjadi satu ciri yang mencorakkan masyarakat di Sungai Ujong yang mengamalkan Adat Perpatih dalam kehidupan mereka.

Dalam bab tiga penulis akan membicarakan sejarah Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Penulis akan membincangkan sejarah awal Dato' Bandar dan Dato' Kelana untuk melihat kaitan dan hubungan kekeluargaan diantara keduanya. Dalam membincangkan hubungan kekeluargaan kedua-dua tokoh ini penulis akan membincangkan waris yang berhak memilih dan menjawat kedua-dua jawatan ini. Untuk melihat hubungan kedua-duanya, perkembangan peranan dan bidang kuasa pemimpin ini akan dinyatakan secara agak terperinci. Ini bertujuan untuk menunjukkan kepada pembaca bahawa wujud percanggahan pendapat diantara tradisional dan moden dalam membicarakan kuasa dan tanggungjawab mereka.

Bab empat akan meneliti perjalanan krisis perlantikan secara kronologi dari mula hingga kematian Dato' Razak Jani, Lembaga yang mempertikaikan perlantikan Dato'

Bandar ke 17 ini. Penulis akan menjelaskan perjalanan pergeseran ini secara agak terperinci kerana bab empat ini merupakan bab terpenting dalam tesis ini. Penulis juga mengutarakan sebab-sebab waris menentang perlantikan Dato' Bandar ke 17 ini sepintas lalu untuk memperlihatkan punca krisis ini berpanjangan.

JADUAL KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGAKUAN	i
LATAR DIRI	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vii
KEPENDEKAN	ix
PENDAHULUAN	x
BAB 1 SEJARAH AWAL SUNGAI UJONG	
1.1 Asal Usul Sungai Ujong	1
1.2 Asal Usul Penduduk Sungai Ujong	4
1.3 Kedatangan Masyarakat Minangkabau	9
1.4 Kewujudan Sistem Berundang di Negeri Sembilan	15
BAB 2 ADAT PERPATIH SEBAGAI SATU KONSEP DAN AMALAN	
2.1 Adat Perpatih	26
2.1.1 Riwayat Hidup Dato' Perpatih	27
2.1.2 Asal Terciptanya Adat Perpatih	31
2.1.3 Pengamalan Adat Perpatih	33
2.1.4 Corak Pemerintahan Dalam Adat Perpatih	35
2.1.5 Pemerintah Dalam Adat Perpatih Secara Umum	45
2.2 Waris	47
2.3 Terombo	52
2.4 Luak	54
2.5 Suku	60
2.6 Jurai	65
2.6.1 Perut	67
2.6.2 Buapak	69
2.6.3 Lembaga	71
2.6.4 Undang	74

BAB 3	SEJARAH DATO' BANDAR DAN DATO' KELANA	
3.1	Asal Usul Kewujudan Dato' Bandar dan Dato' Kelana	78
3.2	Sejarah Perkembangan	82
3.2.1	Dato' Bandar	82
3.2.2	Lembaga-Lembaga Di Bawah Dato' Bandar	90
3.2.3	Buapak Yang Berhak Memilih Dato' Bandar	93
3.3	Dato' Kelana	94
3.3.1	Waris Di Bawah Dato' Kelana	99
3.3.2	Buapak yang Berhak Memilih Bakal Undang	100
3.4	Tugas dan Peranan Di Dalam Adat	101
3.4.1	Bidang Kuasa	106
3.5	Krisis Dato' Bandar Dengan Dato' Kelana	112
3.6	Krisis Dalam Memilih Bakal Pemimpin	119
BAB 4	KRISIS DALAM PEMILIHAN DATO' BANDAR	
4.1	Perjalanan Krisis	130
4.2	Pertikaian Dato' Bandar dengan Dato' Azman	149
4.3	Krisis Kepercayaan Terhadap Dato' Bandar	152
	KESIMPULAN	158
	BIBLIOGRAFI	167
	LAMPIRAN I : SALASILAH SUKU BIDUANDA	
	LAMPIRAN II: SALASILAH WARIS DI DARAT	

SENARAI KEPENDEKAN

- JMBRAS - Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society
- JSBRAS - Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society
- MBN - Majlis Belia Negeri
- M.C.K.K - Malay College Kuala Kangsar
- PMS - Paper on Malay Subjects

PENDAHULUAN

Dalam latihan ilmiah ini penulis cuba mengutarakan satu masalah atau fenomena yang sering dihadapi oleh pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Penulis cuba mengutarakan krisis kepimpinan yang wujud di Sungai Ujong sebagai tumpuan dalam latihan ilmiah ini. Sebelum melihat krisis ini secara kronologi penulis memaparkan sejarah awal Sungai Ujong dan pengamalan Adat Perpatih seharian masyarakat Minangkabau. Sejarah perkembangan dan konsep-konsep umum Adat Perpatih akan diteliti dan dihalusi dalam bab dua latihan ilmiah ini. Dalam bab-bab berikutnya penulis akan cuba memperincikan institusi Dato' Bandar dan Dato' Kelana. Dua sistem pemerintahan yang berlainan tetapi mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

Penulis tertarik untuk mengkaji institusi Dato' Bandar dan konflik yang dihadapi kerana institusi ini agak unik. Secara umumnya bolehlah dikatakan di Sungai Ujong mempunyai dua sistem pentadbiran. Setengah ditadbir oleh Dato' Kelana dinamakan waris di Darat dan setengah lagi ditadbir oleh Dato' Shahbandar (Dato' Bandar) dipanggil waris di Air. Konflik yang berlaku dalam pemilihan Dato' Bandar merupakan satu yang unik kerana ia melibatkan kedua-dua waris. Ia telah berlarutan hampir 8 tahun. Walaupun Dato' Bandar yang ke 17 telah dilantik namun masih wujud konflik diantara anak-anak waris. Penulis

akan cuba mengimbas semula perjalanan krisis ini dari mula hingga akhir tahun 1988. Penulis hanya mengkaji sehingga 1988 sahaja kerana selepas dari tarikh itu Dato' Lembaga yang dikatakan menjadi penentang kuat perlantikan Dato' Bandar ke 17 telah meninggal dunia. Oleh itu tarikh ini bolehlah dianggap garis pemisah diantara masa-masa aman dan krisis.

Penulis hanya mengkaji perkembangan krisis Dato' Bandar sahaja kerana beranggapan krisis ini melibatkan dua pihak iaitu pemegang Adat Pemegang dan pengamal Adat Perpatih. Atau lebih mudah untuk dikatakan ialah konflik diantara Dato'-Dato' Lembaga dan Dato' Bandar. Tumpuan khusus hanya akan diberikan kepada perjalanan krisis itu sendiri. Penulis tidak akan menjelaskan krisis sebelumnya kerana krisis kali ini agak unik. Unik kerana ia melibatkan unsur-unsur penyelewengan. Jika dahulu kekuatan menjadi ukuran tetapi bila zaman berubah wang dan pengaruh pula memainkan peranan yang kuat.

Dalam menulis latihan ilmiah ini penulis menggunakan dua kaedah untuk mendapatkan bahan. Pertama menggunakan buku-buku atau bahan-bahan yang diterbitkan dan kedua menggunakan temuramah untuk mendapatkan gambaran sebenar perjalanan krisis ini. Penulis menggunakan temuramah untuk mendapat gambaran lengkap krisis ini. Penulis telah merakamkan temuramah dengan mereka yang terlibat ini. Penulis bukan sahaja menemuramah Dato'

Lembaga yang terlibat tetapi juga Lembaga yang menjadi orang tengah dalam krisis ini. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas seperti tarikh dan tempat kejadian penulis merujuk kepada laporan akhbar kerana Dato'-Dato' Lembaga yang terlibat tidak dapat mengingati tarikh sesuatu kejadian itu. Oleh itu sumber yang penulis rasakan dapat mengatasi masalah ini dengan merujuk kepada laporan akhbar.

Dalam membuat rujukan di perpustakaan penulis tidak menghadapi apa-apa masalah kerana terdapat banyak bahan sama ada yang ditulis oleh penulis tempatan atau barat. Dalam menulis bab satu, dua dan tiga penulis tidak menghadapi apa-apa masalah kerana bahan-bahan bertulis amat banyak. Tetapi dalam menulis bab empat, penulis menghadapi sedikit masalah kerana bahan ini tidak ada sumber bertulis. Penulis terpaksa membuat temuramah dengan mereka yang terlibat. Dalam membuat temuramah ini tidak semua Dato' Lembaga dan Buapak memberikan kerjasama yang diharapkan. Ada Dato' Lembaga yang enggan untuk ditemuramah kerana menganggap semua ini adalah rahsia dan tidak perlu didedahkan. Atau ada Buapak atau Dato' Lembaga yang berkeberatan untuk menceritakan perkara yang sebenarnya kerana takut dipecat oleh Dato' Bandar. Tidak kurang juga ada Buapak atau Dato' Lembaga yang dipecat mengutuk habis-habisan Dato' Bandar dan Dato' Lembagannya. Sementara Dato' Lembaga yang pro Dato' Bandar memuji kebaikan Dato' Bandar dengan keterlaluan. Untuk tidak

bias penulis terpaksa mencari sumber lain seperti menemuramah Dato' Lembaga yang tidak terlibat dan merujuk kepada laporan akhbar.

Penulis juga banyak merujuk kepada dokumen-dokumen Tetapi satu syarat yang diberikan oleh pemilik trombo ini ialah penulis tidak boleh menjadikannya nota kaki atau bibliografi kerana ditakuti sumber-sumber ini akan cuba dipalsukan oleh pihak-pihak tertentu. Tetapi penulis beranggapan penulis-penulis Inggeris seperti Gullick dan Martin Lister ada menulis trombo ini dan penulis berpendapat trombo ini tidak mempunyai perbezaan dengan yang asli.

Penulis juga banyak mendapat bahan-bahan bertulis atau dokumen dari Koleksi Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan di Seremban. Di bawah pimpinan Tan Seri Dato' Samad Idris, Balai ini banyak menyimpan dokumen-dokumen dan kertas kerja yang berkaitan dengan Adat Perpatih dan krisis perlantikan Dato' Bandar. Transkripsi lisan dengan tokoh-tokoh adat juga ada disimpan di sini sebagai satu dokumen sejarah. Jadi penulis tidak menghadapi apa-apa masalah mengenai bahan bertulis mengenai Adat Perpatih dan perkembangan pemerintahan Dato' Bandar. Tetapi apa yang menjadi masalah ialah keengganan Dewan Keadilan untuk mengeluarkan dokumen-dokumen atau minit mesyuarat mengenai Dato' Bandar. Setiausaha Dewan juga enggan untuk ditemuramah. Ini mengurangkan sedikit bahan dalam

menganalisa perjalanan krisis ini. Untuk mengatasi masalah itu penulis terpaksa menggunakan laporan akhbar dan temuramah. Buapak dan Lembaga tidak semuanya mengingati tarikh berlakunya sesuatu peristiwa itu. Ini menimbulkan sedikit masalah kepada penulis. Walau bagaimanapun masalah ini dapat diatasi dengan merujuk akhbar kerana akhbar sering melaporkan perkembangan krisis ini.

Penulis berpendapat analisa krisis perlantikan Dato' Bandar ini masih belum ditulis oleh sesiapa. Tetapi ada penulis yang telah menulis sistem pemerintahan di Sungai Ujong tetapi tidak menyentuh secara mendalam. Rosmawati Shaari misalnya menulis tentang sistem pemerintahan Dato' Bandar dan Dato' Kelana di Sungai Ujong. Rosmawati hanya menggariskan susun tingkat sistem pemerintahan di Sungai Ujong dari anak buah hingga ke Undang dan Dato' Bandar. Tetapi ia tidak menyentuh tentang krisis yang dialami oleh Dato' Bandar.

Kesimpulannya melalui tesis ini penulis cuba untuk mengimbas kembali krisis perlantikan ini bukan bertujuan untuk menjatuhkan sesiapa tetapi sebagai satu peristiwa sejarah untuk pengamal Adat Perpatih kemudiannya.

BAB I

SEJARAH AWAL SUNGAI UJONG

1.1 Asal-usul Sungai Ujong

Ada berbagai pendapat bagaimana Sungai Ujong¹ mendapat namanya. Untuk menjelaskan bagaimana nama Sungai Ujong boleh wujud, ia merupakan satu yang rumit kerana tidak ada keselarasan pendapat dalam bahan-bahan yang bertulis. Sumber-sumber lisan juga menjelaskan perkara yang serupa dengan sumber bertulis. Dibawah ini dinyatakan beberapa orang penulis yang pernah menulis mengenai bagaimana Sungai Ujong mendapat namanya. Diantaranya Samad Idris menulis,

Sungai Ujong itu adalah punca hujung dari beberapa batang sungai yang ada kaitan rapat dengan cerita sejarah. Sungai Ujong seperti Sungai Beranang, Sungai Pajam, Sungai Batang Penar dan Sungai Linggi. Semua hujung sungai ini berpunca dari satu kawasan yang boleh dianggap kawasan asal sungai Ujong.²

¹Sungai Ujong merupakan satu daerah yang terbesar di Negeri Sembilan. Ia merangkumi Bandar Seremban, Mantin, Rasah, Nilai, Labu, Ampangan hingga ke Rantau.

²Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1986, hal. 51.

Tetapi tidak dapat dipastikan siapakah yang memberi nama kawasan ini Sungai Ujong kerana tidak ada bukti bertulis. Ini kerana Sungai Ujong disebut dengan nama lain seperti Sang Hyang Ujong seperti mana yang terdapat dalam Babad Jawa Nagara Kartagama, Sening Ujong seperti yang terdapat dalam sejarah Melayu,³ sementara orang-orang tua memanggilnya Semujung seperti yang terdapat dalam cerita rakyat. Semuanya merujuk kepada nama Sungai Ujong.⁴ Satu variasi lain menyatakan Sungai Ujong mendapat nama dari Jong yang karam menjadi batu kerana nakhodanya derhaka kepada ibunya disebabkan oleh perasaan malu untuk mengakui ibunya yang sebenar.⁵ Tetapi pendapat ini boleh dipertikaikan oleh sebab terdapat cerita yang sama yang dikaitkan dengan kewujudan nama Bukit Jugra dan Gunung Ledang.⁶

Kedudukan geografi Sungai Ujong sedikit sebanyak membuktikan bahawa Sungai Ujong memang menjadi punca beberapa batang sungai. Umumnya ia dikelilingi oleh banjaran bukit-bukau yang menjadi garis pemisah diantara beberapa kawasan yang menjadi punca beberapa batang sungai

³R.O. Winstedt, Sejarah Melayu, Singapura, 1957, hal. 60.

⁴Abdul Samad Idris, op.cit, hal. 51.

⁵Zainal Abidin Ahmad, The Origin of Some Malay Place Names, dalam JMBRAS, Vol. 3, pt. I, 1925, hal. 80-81.

⁶J.M. Gullick, Sungai Ujong, dlm. JMBRAS, Vol. 22, pt. 2, 1949, hal. 3.

seperti Bukit Mantin yang menjadi punca Sungai Batang Penar, Sungai Labu dan anak-anak Sungai Langat yang lain, termasuk Sungai Beranang. Bukit Mantin merupakan sebahagian daripada banjaran Gunung Titiwangsa yang menjadi garis pemisah diantara Timur dan Barat Semenanjung. Bukit Putus pula menjadi punca Sungai Ampangan dan Bukit Tangga pula menjadi punca Sungai Linggi. Ini bermakna dari segi geografinya Sungai Ujong memang menjadi punca beberapa anak sungai dan menjadi hujung beberapa batang sungai yang terdapat di daerah itu.

Kawasan Sungai Ujong masa dahulu sangat luas. Ia merangkumi beberapa buah kawasan di dalam Negeri Selangor sekarang. Tempat-tempat yang dahulunya merupakan sebahagian dari Sungai Ujong adalah Kajang, Pakoh, Semenyih, Beranang dan beberapa kampung kecil di sepanjang sempadan Selangor dan Negeri Sembilan sekarang.⁷

Jadi bolehlah diyakini bahawa Sungai Ujong mendapat namanya melalui kedudukan geografinya. Kedudukannya yang di kelilingi oleh banjaran gunung menjadi punca beberapa batang anak sungai yang mengalir ke laut. Tetapi hingga setakat hari ini penulis masih belum menemui sumber yang menunjukkan orang yang memberi nama kepada Sungai Ujong. Mungkin penduduk awal kawasan ini yang terdiri dari masyarakat Jakun yang memberi nama Sungai Ujong kerana melihat keadaan geografinya. Namun

⁷Abdul Samad Idris, op-cit, hal. 60.

begitu belum ada ahli sejarah yang menulis siapa yang memberi nama kepada Sungai Ujong ini.

1.2 Asal-usul Penduduk Sungai Ujong

Sebelum kedatangan masyarakat Minangkabau ke Sungai Ujong kawasan ini didiami oleh orang asli atau dipanggil juga orang sakai dari kelompok Semang, Jakun dan orang Laut.⁸ Adalah dianggarkan masyarakat orang asli ini telah mendiami Sungai Ujong sejak 10,000 tahun lalu.⁹ Kelompok masyarakat Melayu pertama mula mendiami Sungai Ujong seawal-awalnya dalam abad ke 15 bersamaan dengan kedatangan Iskandar Shah (Parameswara). Menurut Sejarah Melayu, Raja Iskandar Shah telah berpindah dari Biawak Busuk ke Kota Buruk dan terus ke Sening Ujong (Sungai Ujong). Di sana baginda melihat tempat itu baik lalu baginda meninggalkan seorang menteri di sana. Dalam zaman Sultan Mansur Shah, Dato' Seri Nara Diraja Tun Ali telah dianugerahkan Sungai Ujong.¹⁰ Jika ini dijadikan bukti bermakna Sungai Ujong telah didiami oleh masyarakat Melayu sejak abad yang ke 15 lagi sejajar dengan pembukaan Mela-ka.

⁸Abdul Samad Idris, op-cit hal. 8. Martin Lister, Malay Law In Negeri Sembilan, dlm JSBRAS, No. 22 (1890) h. 10.

⁹Iskandar Carey, Orang Asli, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hal. 13.

¹⁰R.O. Winstedt, Sejarah Melayu, op.cit, hal. 60.

Apabila orang-orang Minangkabau mula berhijrah ke Tanah Melayu khususnya ke Sungai Ujong wujud masyarakat baru akibat perkahwinan campur dengan penduduk tempatan. Orang-orang Minangkabau yang aktif di dalam perdagangan mula menjadi penduduk tetap Sungai Ujong. Mereka menjalankan aktiviti perdagangan dengan masyarakat Melaka.¹¹ Sebelum kedatangan masyarakat Minangkabau Sungai Ujong masih belum diteroka dengan meluas. Orang asli hanya mendiami kawasan-kawasan pendalaman di lereng-lereng bukit, sementara kawasan Sungai Ujong yang ada sekarang masih belum berpenghuni.

Belum ada bukti sejarah yang menunjukkan bahawa masyarakat Melayu telah mendiami kawasan pendalaman Sungai Ujong. Walaupun Iskandar Shah telah menganugerahkan Sening Ujong kepada Dato' Seri Nara Diraja Tun Ali tetapi ini tidak bermakna kawasan Sungai Ujong ini yang sebenarnya telah berpenghuni. Mungkin Tun Ali dianugerahkan oleh Iskandar Shah kawasan pantai (Linggi) yang didiami oleh masyarakat Melayu ketika itu.

J.M. Gullick berpendapat pada zaman Kesultanan Melaka (T.M. 1400-1511) telah bertapak segolongan kecil

¹¹J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu, terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, hal. 55.

kelas pemerintah yang bergantung kepada Melaka.¹² Pemerintah dari Melaka ini membawa masuk peneroka-peneroka Melayu untuk membuka Sungai Ujong. Orang-orang yang berpindah masuk ini datang dengan kumpulan-kumpulan kecil dan berkahwin dengan masyarakat tempatan dan membentuk masyarakat campur yang dipanggil Biduanda ataupun dalam setengah keadaan dipanggil sakai.¹³ Apabila kerajaan Melaka tumbang (1511) di tangan Portugis, ramai orang-orang Melayu berpindah kependalaman termasuk ke Sungai Ujong. Pada masa yang sama masyarakat Minangkabau mula datang beramai-ramai ke Sungai Ujong.¹⁴ Mereka telah membawa bersama-sama mereka Adat Perpatih yang diamalkan di Sumatera. Sudah menjadi tradisi masyarakat Minangkabau untuk menggalakkan golongan muda terutama belia untuk merantau. Perkahwinan campur itu mewujudkan suku-suku tertentu yang didasarkan kepada tanah asal mereka.

Mengenai masyarakat orang asli adalah dianggarkan bahawa mereka mula datang seawal-awalnya 25,000 tahun yang lalu dan ada yang berpendapat 8,000 tahun yang

¹²J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu, terjemahan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, hal. 55.

¹³J.M. Gullick, op.cit, hal. 56.

¹⁴J.M. Gullick, op.cit, hal. 56, juga terdapat dalam R.J. Wilkinson, Notes on The Negeri Sembilan, dalam Paper on Malay Subjects, Government Press, Kuala Lumpur, 1911, hal. 11-13 dan R.,O. Winstedt, History, Politic and Beliefs on the Nine State, dlm JMBRAS. Vol. 12, 1934, hal. 44-45.

lalu.¹⁵ Mereka adalah dari kelompok Monghol dan kaum yang teramai menetap di Negeri Sembilan (Sungai Ujong) adalah dari suku kelompok Jakun yang dipanggil Nehtera dan Bidvahala.¹⁶ Ini bermakna orang asli telah mendiami Sungai Ujong sebelum kemasukan orang-orang Minangkabau kerana kedatangan mereka sejajar dengan zaman batu pertama bila berlaku gerombolan penghijrahan masyarakat orang asli dari Tibet. Umumnya tempat yang menjadi pilihan mereka adalah di tepi-tepi pantai dan muara-muara sungai yang subur.¹⁷ Ini bermakna apabila Iskandar Shah melalui Sening Ujong sekitar 1400 dan menyatakan tempat tersebut telah berpenghuni ia adalah benar. Oleh itu ia meninggalkan seorang menterinya sebagai ketua seperti yang ditulis di dalam Sejarah Melayu kerana beranggapan masyarakat di Sungai Ujong ini tidak mempunyai ketua. Ini juga menunjukkan bahawa Sungai Ujong telah berpenghuni tetapi tertumpu di tepi-tepi pantai dan muara Sungai Linggi yang subur dan kaya dengan sumber makanan. Bukti-bukti ini diperkokohkan lagi oleh sumber Sejarah Melayu. Tetapi perlu diingat kawasan yang berpenghuni hanya di tepi-tepi pantai dan muara Sungai Linggi sementara pendalaman Sungai Ujong masih belum diteroka.

¹⁵Iskandar Carey, Orang Asli, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976, hal. 13.

¹⁶Ooi Jin Bee, Bumi, Penduduk Dan Ekonomi Di Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hal. 110.

¹⁷Ooi Jin Bee, op.cit, hal. 111.

Dalam tahun 1828 apabila bijih timah mulai dijumpai barulah orang-orang Cina berlumba-lumba datang ke Sungai Ujong. Adalah dianggarkan pada tahun 1828 terdapat 1,000 orang Cina yang menetap dan bekerja sebagai pelombong di Sungai Ujong.¹⁸ Sehingga 1874 di Sungai Ujong terdapat hampir 15,000 orang Cina yang bekerja sebagai pelombong.¹⁹ Tetapi mereka tidak dianggap sebagai penghuni tetap kerana sering berhijrah jika mendapat peluang ekonomi yang lebih baik di tempat lain. Kedatangan mereka ke Sungai Ujong adalah sementara semata-mata, dan mereka tidak berkahwin dengan penduduk tempatan. Kehidupan mereka adalah tertutup kepada kelompok mereka sahaja.

Kemasukan kaum India pula bermula apabila kerajaan Inggeris mula membuka ladang-ladang getah diakhir abad yang ke 19.²⁰ Mereka menjadi buruh-buruh ladang dan menjadi tenaga penting untuk membina jalanraya dan landasan keretapi. Keadaan ini berterusan hingga 1942 apabila Perang Dunia II meletus. Kemasukan orang-orang India ini juga bersifat sementara seperti orang-orang Cina kerana tujuan mereka dibawa masuk ialah untuk membangunkan

¹⁸Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-73, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hal. 48.

¹⁹Ooi Jin Bee, op.cit, hal. 115.

²⁰Karnal Singh Sadhu, Indians in Malaya, Comblage, University Press, England, 1969, hal. 32.

ladang dan landasan keretapi. Apabila kerja-kerja mereka siap mereka dibawa ke tempat lain di mana tenaga mereka diperlukan. Kehidupan mereka juga agak tertutup dan tidak berlakunya perkahwinan campur dengan penduduk tempatan. Mereka tertumpu kepada kelompok minoriti mereka sahaja.

1.3 Kedatangan Masyarakat Minangkabau

Untuk membicarakan kedatangan masyarakat Minangkabau ke Sungai Ujong tidak ada sumber bertulis yang menyatakan bilakah tarikh sebenarnya. Khazin Mohd Tamrin menyatakan :

"Kedatangan mereka dalam abad ke 19 hanyalah merupakan satu proses yang sentiasa berlaku sebelum abad ke 19, dikalangan masyarakat Melayu di alam Nusantara, yang mana kehidupan dari segi politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama dan kepercayaan dan cara kehidupan adalah sama.²¹

Pada kebiasaannya mereka tidak menganggap daerah-daerah di Nusantara ini sebagai satu kawasan asing kerana ia mempunyai asas persamaan yang banyak. Dari segi politik pula mereka umumnya mempunyai sistem yang sama. Oleh sebab itu apabila mengkaji mengenai perpindahan atau penghijrahan di kalangan suku bangsa Melayu di Nusantara

²¹Khazin Mohd Tamrin, Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hal. 11.

akan didapati istilah yang seragam iaitu merantau.²² Konsep ini telah digunakan oleh Moktar Naim dalam kajiannya mengenai sebab-sebab dan kesan penghijrahan orang Minangkabau ke kawasan lain di alam Melayu.²³

Perkembangan empayar Melaka pada pertengahan abad ke 15 yang meliputi sebahagian besar Sumatera berkemungkinan memulakan penghijrahan orang Minangkabau ke Melaka. Kerajaan-kerajaan kecil seperti Siak, Rokan, dan Inderagiri di Sumatera tunduk kepada pemerintahan Kesultanan Melaka. Jadi secara tidak langsung keadaan ini mewujudkan hubungan diantara Sumatera dan Melaka. Ini memungkinkan kemasukan masyarakat Minangkabau ke Melaka khususnya Sungai Ujong. Hubungan perdagangan juga memungkinkan penghijrahan mereka ke Melaka kerana dewasa itu Melaka terkenal sebagai pelabuhan yang maju di Nusantara. Orang-orang Minangkabau pula sememangnya berkebolehan. Mereka menjadikan Nanning sebagai petempatan untuk menjalankan perdagangan dengan saudagar asing.

²²Menurut pengertian T. Iskandar, Kamus Dewan, DBP, KL, 1970, hal. 931, perkataan merantau adalah bermaksud berjalan, belayar atau mengembara ke tempat lain kerana mencari kehidupan yang lebih baik.

²³Ibrahim Mustapha, Sejarah Ringkas Kedatangan Orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, dalam Waris, 1982, hal. 22.

Apabila kerajaan Melaka tumbang pada 1511, orang-orang Minangkabau yang mendiami kawasan pantai seperti Linggi menyusur masuk melalui anak Sungai Linggi dan masuk ke daerah pedalaman dan membina petempatan di tepi-tepi sungai untuk memudahkan perhubungan dan mendapatkan sumber air. Menurut seorang penulis Indonesia²⁴ kedatangan orang-orang Minangkabau pada abad ke 15 dapat dibuktikan melalui makam yang ada di Sungai Ujung Linggi. Batu nisan yang ditemui di situ sama bentuknya dengan batu nisan di Batu Sangkar. Hujahnya lagi pada zaman Kesultanan Mansur Shah (1459-1477) orang-orang Minangkabau ramai terdapat di Melaka (Naning). Jadi kemasukan orang-orang Minangkabau ke Sungai Ujong adalah melalui pantai Melaka (Kuala Linggi) dan Kuala Kelang. Ada bidalan di Sungai Ujong yang berbunyi.

"Berpengkalan ke Melaka dan Poi Ka kolang."²⁵

Ini menunjukkan bahawa penulis-penulis barat dan tempatan²⁶ mempunyai pendapat yang sama mengenai kedatangan masyarakat Minangkabau iaitu sezaman dengan kejatuhan kerajaan Melaka dan melalui Kuala Linggi. Cuma tarikh sebenarnya tidak dapat dipastikan.

²⁴Dt. B. Nordin Yakub, Minangkabau Tanah Pusaka, Pustaka Indonesia, Bukit Tinggi, 1987, hal. 42.

²⁵Dt. B. Nordin Yakub, op.cit, hal. 43.

²⁶Abdul Samad Idris, op.cit, hal. 42, Martin Lister, Malay law in Negeri Sembilan, dalam JMBRAS, No. 22, 1890, hal. 299.

Peneroka-peneroka pertama (awal) yang datang ke Tanah Melayu (Sungai Ujong) pada amnya berasal dari daerah yang sama (luhak 50 koto) seperti Paya Kumbuh, Seri Lemak dan Mungkal dan dari luhak tanah datok seperti di Tanah Datar.²⁷ Kedatangan masyarakat Minangkabau berlaku secara terus-menerus dari zaman kerajaan Melaka hingga abad ke 19. Mereka datang secara bergerombolan di dalam kumpulan-kumpulan yang ramai.²⁸ Semenjak 1773 gerombolan-gerombolan yang lebih besar orang Minangkabau berhijrah ke Sungai Ujong terutama dari Padang Tinggi hingga ke Siak dan Kampar.²⁹ Ini disebabkan oleh kemasukan anak raja yang ditabalkan menjadi raja dari Pagaruyung ke Seri Menanti.³⁰

Untuk membincangkan sebab-sebab mengapa orang-orang Minangkabau berhijrah ke Sungai Ujong adalah agak menarik. Sebab utama adalah ikatan tradisi yang menggalakkan anak-anak muda supaya merantau untuk mencari penghidupan baru sama ada untuk menambah ilmu pengetahuan atau untuk mengumpul kekayaan. Bagi masyarakat Minangkabau

²⁷Abdullah Siddik, op.cit, hal. 112.

²⁸Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, 1975, hal. 112.

²⁹C. Mury Turnbull, A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei, Graham Brash, Singapore, 1980, hal. 63.

³⁰Dt. B. Nordin Yakub, op.cit, hal. 43.

merantau merupakan satu kemestian kepada golongan muda sehingga mereka masih tidak dianggap dewasa jika belum merantau. Ini sesuai dengan pepatah Minangkabau,

"Merantau dulu, di sini berguna belum,"

Ini menunjukkan merantau amat digalakkan di kalangan masyarakat Minangkabau. Tidak kurang juga penulis yang berpendapat kedatangan mereka adalah untuk mencari petempatan baru seperti kemasukan orang-orang Inggeris ke Amerika,³¹ sehingga telah wujud apa yang dipanggil "Sumateran Minangkabau" di Sungai Ujong.³² Ini bermakna mereka bukan sahaja menganggap Sungai Ujong tempat persinggahan sementara tetapi tempat pemastautin tetap dan sebagai tanah air sendiri.

Perkembangan negeri Melaka sejak pertengahan abad yang ke 15 telah mengakibatkan perpindahan orang-orang Minangkabau buat pertama kalinya ke Melaka dengan jumlah yang ramai. Proses ini dipercepatkan lagi pada masa Melaka berada di zaman kemuncaknya. Menurut Tate suasana politik dan ekonomi di Semenanjung Tanah Melayu di zaman kemakmuran empayar Melaka mendorong mereka berhijrah ke Melaka, tetapi apabila Portugis mengamalkan dasar monopoli perdagangan dan akibat kegiatan Raja Kecil Besar di Siak

³¹Martin Lister, *op.cit*, hal. 300.

³²D.J.M. Tate, *The Making of Modern South East Asia*, (MMSEA), Vol. 11, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 150.

perpindahan beramai-ramai orang Minangkabau ke Sungai Ujong bermula sehingga masyarakat Minangkabau menamai kawasan ini Minangkabau tanah Melayu.³³

Apabila rombongan pembesar dari Negeri Sembilan pergi ke Minangkabau (Pagaruyung) untuk mendapatkan seorang anak raja yang bakal dijadikan raja di Sungai Ujong pada 1773,³⁴ sekali lagi proses pindah masuk masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan menjadi rancak. Pada tahun yang sama Raja Melewar ditabalkan menjadi Yam Tuan Besar. Ini menyebabkan masyarakat Minangkabau menganggap Negeri Sembilan amnya dan Sungai Ujong khususnya sebagai Negeri Minangkabau ke 2 bagi mereka selain Sumatera. Apabila Raja Melewar mangkat dan Raja Hitam dibawa masuk dari Sumatera dan dijadikan Yang Tuan Besar sekali lagi Negeri Sembilan menjadi tumpuan. Memang menjadi tradisi masyarakat Melayu pembesar atau raja menjadi tumpuan. Setiap kali raja berpindah ke tempat lain ia akan disertai oleh rakyat bawahan kerana raja dianggap mulia. Oleh itu siapa yang memuliakan raja ia akan beroleh kebesaran dan pangkat. Penghijrahan masyarakat Minangkabau ini berterusan hingga kini sehingga batas-batas tertentu terpaksa dilakukan. Bahkan bagi masyarakat Minangkabau di Sungai Ujong (Negeri Sembilan

³³D.J.M Tate, op.cit, hal. 156.

³⁴Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Seremban, 1961, hal. 30.

amnya) penghijrahan keluar golongan muda masih terus berlaku.

Walaupun kedatangan masyarakat Minangkabau didorong oleh berbagai sebab termasuk untuk mencari petempatan baru dan untuk mengumpul kekayaan melalui perdagangan, tapi apa yang nyata ialah kedatangan masyarakat Minangkabau ini membawa satu tradisi Adat Perpatih yang menjadi amalan sebahagian besar masyarakat di Negeri Sembilan kemudiannya. Susur nisab sebelah ibu pula menjadi satu ciri penting dalam menentukan jurai keturunan. Tradisi yang dibawa dari Sumatera ini masih lagi dikekalkan hingga kini bahkan ia menjadi ciri kebanggaan bagi masyarakat pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

1.4 Kewujudan Sistem Pemerintahan Di Negeri Sembilan

Kewujudan sistem pemerintahan berundang dan berlembaga bermula selepas kemasukan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Tetapi seperti yang dinyatakan sebelum ini sebelum kemasukan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan, pada zaman Kesultanan Melaka (1400-1511) telah bertapak segolongan kecil klas pemerintahan yang bergantung kepada kerajaan Melaka. Tetapi pemerintah ini tidak lebih dari penghulu-penghulu

tempatan seperti Naning.³⁵ Beberapa orang pembesar Melaka yang telah sedia ada bertapak di Negeri Sembilan seperti Tun Ali yang telah dianugerahkan oleh Kesultanan Melaka wilayah Sungai Ujong telah mentadbir wilayah ini mengikut tradisi Kesultanan Melayu Melaka.

Kumpulan-kumpulan pemerintah tradisional ini pada asalnya bersifat nisab bapa seperti Kesultanan Melayu Melaka. Tetapi apabila masyarakat Minangkabau mula dominan dan menyerapkan tradisi mereka (Adat Perpatih), keadaan ini telah berubah. Nisab ibu telah menggantikan nisab bapa dalam menentukan bakal pemimpin. Di Sungai Ujong pertukaran nisab bapa kepada nisab ibu berlaku selewat-lewatnya dalam tahun 1800an.³⁶ Keadaan ini berlaku apabila golongan masyarakat Minangkabau yang datang ke Sungai Ujong bertambah ramai dan bertambahnya perkahwinan campur dengan penduduk tempatan. Untuk menjaga kepentingan golongan pendatang ini mereka melantik orang tertua di kalangan mereka sebagai ketua bagi suku atau kelompok mereka. Ketua bagi suku atau kelompok ini dipanggil Lembaga. Setiap suku pula mempunyai beberapa keluarga yang diketuai oleh Buapak. Pemilihan seorang Lembaga adalah didasarkan kepada persetujuan Buapak dalam

³⁵J.M. Gullick, op.cit, hal. 55.

³⁶Ibid, hal. 56.

sukunya.³⁷ Peranan Buapak dan Lembaga akan diterangkan di dalam bab yang berikut.

Bagi jawatan Undang pula ia ditentukan dan dipilih oleh Lembaga dalam suku berkenaan. Perlu ditegaskan di sini bahawa jawatan Undang hanya berhak disandang oleh suku Biduanda. Menurut Samad Idris suku Biduanda ini berasal dari perkahwinan Bendahara Sekudai dengan seorang anak Batin orang asli di Sungai Ujong (Batin Sibu Jaya).³⁸ Tapi Abas Hj. Ali pula berpendapat suku Biduanda merupakan keturunan Bendahara kerajaan Melayu Melaka.³⁹ ini bermakna ada dua pendapat berbeza-beza mengenai kewujudan suku Biduanda. Walau bagaimanapun bolehlah disimpulkan bahawa suku Biduanda merupakan penduduk tetap di Sungai Ujong (orang Asli) yang berkahwin campur dengan pembesar kerajaan Melayu di sekitarnya. Ini kerana Samad Idris dan Abas Hj. Ali menekankan peranan 'Bendahara' di dalam menentukan suku Biduanda.

Penulis berpendapat suku Biduanda merupakan satu istilah yang digunakan bagi orang-orang Minangkabau yang berkahwin dengan masyarakat tempatan. Ada banyak sebab

³⁷Pepatah Minangkabau ada menyatakan,

Bulat anak buah menjadi Buapak
 Bulat Buapak menjadi Lembaga
 Bulat Lembaga menjadi Undang

³⁸Samad Idris, op.cit, hal. 57.

³⁹Abas Hj. Ali, Rembau Sejarah dan Perlembagannya, Seremban, 1953.

mengapa penulis berpendapat demikian. Pertama kerana tidak wujud suku Biduanda sebelum kedatangan masyarakat Minangkabau kerana suku Biduanda merupakan suku tertinggi dalam Adat Perpatih dan ada kemungkinan ia wujud dari perkahwinan campur dengan pembesar Minangkabau. Jadi keadaan ini tidak boleh dipandang sepi.

Walau bagaimanapun bukti bertulis menunjukkan bahawa suku Biduanda lahir dari perkahwinan Batin Sibujaya dengan Bendahara Sekudai. Penulis berpendapat ini mewujudkan Biduanda waris sementara Biduanda Dagang merupakan perkahwinan campur masyarakat Minangkabau dengan penduduk tempatan. Keadaan ini adalah diterangkan dalam bab dua dan tiga.

Bendahara Sekudai dengan Batin Sibujaya telah menetap di Rahang. Mereka dikurniakan dengan empat orang anak iaitu Mohamad Tumbu, To' Musang To' Semerga dan To' Serimani.⁴⁰ Keempat-empat adik beradik ini kemudiannya membentuk suku Biduanda yang berhak menjadi Undang. Apabila Bendahari Sekudai ingin berpindah ke Pahang, sebagai seorang ayah yang bertanggungjawab ia telah membahagikan kuasa dan daerah pemerintahan supaya tidak menimbulkan perbalahan. To' Musang dan Mohamad Tumbu telah dianugerahkan jawatan Undang Sungai Ujong, To' Semerga telah diberikan gelaran Dato' Shahbandar dan diberikan kawasan pemerintahan di hilir Sungai Penar

⁴⁰Samad Idris, op.cit, hal. 58.

sementara To' Serimani diberi gelaran Dato' Andulika Mendulika dan menetap di Pantai.⁴¹

Dari Bendahara Sekudailah wujud dua pecahan pemerintahan di Sungai Ujong. Mohamad Tumbu dan To' Musang telah membentuk waris Kelana sementara To' Semerga telah membentuk waris Dato' Bandar. Walaupun To' Serimani tidak diberikan apa-apa kuasa untuk memerintah di Sungai Ujong tapi ini tidak bermakna ia tidak mempunyai kuasa lain untuk mentadbir. Di dalam pengalaman adat perpatih di Sungai Ujong To' Serimani atau Dato Andulika merupakan seorang Dato Lembaga yang menjadi tunggak suku Biduanda di Sungai Ujong. Ini bermakna Dato' Andulika berhak untuk mencampuri urusan perjalanan pentadbiran di Sungai Ujong.

Suku Biduanda (suku yang berhak menjadi Undang) mempunyai Dato' Lembaga yang khusus dan terasing kerana ia agak istimewa dari suku-suku yang lain. Apabila Bendahara Sekudai membahagikan gelaran dan kekuasaan ia mewujudkan dua pecahan yang berkekalan. Wujud istilah waris atau keturunan di Darat dan di Air. Tapi yang uniknya kedua-dua pecahan ini masih dianggap suku Biduanda. Pembahagian waris di Darat dan waris di Air ini bukanlah bertujuan untuk menimbulkan perpecahan atau perkelahian tetapi untuk memudahkan proses pemilihan Dato' Undang dan Dato' Bandar.

⁴¹M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 148.

Bagi suku Biduanda di Sungai Ujong jawatan Dato' Kelana merupakan jawatan tertinggi di dalam Adat perpatih. Walau bagaimanapun jawatan ini hanya boleh diisi oleh keturunan Mohamad Tumbu dan To' Musang sahaja yang membentuk waris atau keturunan di Darat.⁴² Perlantikan ini pula mestilah dipersetujui oleh Buapak dan Lembaga waris di Darat.

Suku Biduanda bagi waris di Darat atau dipanggil juga waris Kelana ini agak unik. Seperti yang dinyatakan diawal penulisan ini kewujudan waris Kelana ini adalah dari perkahwinan anak Mohamad Tumbu dan To' Musang. Bermakna wujud dua pecahan yang layak untuk menjadi Undang. Ini menimbulkan pecahan waris Kelana kepada dua, waris Hulu dan waris Hilir. Untuk memudahkan proses pemilihan, Buapak-Buapak memilih Lembaga untuk menjaga keharmonian Adat Perpatih. Setiap waris Kelana sama ada waris Hulu dan Hilir mempunyai Lembaga mereka sendiri, tetapi ketua bagi para Lembaga bagi waris Kelana ialah Dato' Andulika Mendulika.⁴³ Dato' Andulika berperanan untuk menjaga proses perjalanan Adat Perpatih. Ia menjadi teras untuk melaksanakan semua perjalanan Adat Perpatih khususnya di Sungai Ujong.

⁴²Samad Idris, op.cit, hal. 58.

⁴³Dalam setengah keadaan juga dipanggil tua waris di Darat.

Bagi keturunan di Air atau waris di Air, yang berasal dari keturunan Dato' Semerga pula menjadi Dato' Bandar dan diberi gelaran Dato' Seri Maharaja Di Raja. Menurut J.M. Gullick⁴⁴ To' Semerga mempunyai 5 orang anak empat orang perempuan dan seorang lelaki. Anak lelaki tunggal To' Semerga bernama Dato Keling. Ia menjadi Dato' Bandar Pertama. Sementara anak perempuan To' Semerga bergelar To' Sulong, To' Susu Tunggal, To' Susu Ganda dan To' Susu Dara.⁴⁵

Dato' Bandar yang kedua dan seterusnya hendaklah dipilih dan dilantik dari anak atau keturunan empat orang anak perempuan To' Semerga, kerana memang menjadi tradisi Adat Perpatih untuk memilih pemimpinnya dari nisab sebelah ibu. Ini bermakna keturunan Dato' Keling (Dato' Bandar pertama) hanya layak menjadi Dato' Bandar pertama sahaja dan tidak layak untuk menjadi Dato' Bandar kemudiannya. Keadaan ini akan diterangkan dengan lebih terperinci dalam bab tiga tesis ini.

Tiap-tiap keturunan waris di Air yang berhak menjadi Dato' Bandar dipilih dan dilantik oleh Buapak yang menjadi teras tiap-tiap perut. Ini bermakna ada empat Dato' Lembaga yang menjadi teras perut-perut berkenaan. Jadi jika berlaku sebarang masalah di dalam perut-perut

⁴⁴J.M. Gullick, op.cit, hal. 38.

⁴⁵Ibid, hal. 39.

berkenaan adalah menjadi tugas Buapak tiap-tiap perut untuk menyelesaikannya.

Sungai Ujong mempunyai 4 orang lembaga yang berhak menentukan siapakah bakal calon Dato' Kelana dan Dato' Bandar, dua mewakili waris di Air dan dua lagi mewakili waris di Darat. Waris di Air diketuai oleh Dato' Maharaja Di Raja dan dibantu oleh Dato' Muda Labu sementara Lembaga waris di Darat pula diketuai oleh Dato' Andika Mendulika dan dibantu oleh Dato' Dagang Paroi.

Waris di Darat terbahagi kepada dua bahagian iaitu waris di Hilir dan waris di Hulu. Ini bermakna pesaka Undang Dato' Kelana mestilah digalurkan mengikut kedua perut ini. Bagi perut Hulu ia diketuai oleh Dato Johan dan bagi waris Perut Hilir ia diketuai oleh Dato' Lela Maharaja.⁴⁶ Jika berlaku apa-apa masalah waris di Hulu Dato' Johan berkuasa menyelesaikannya sementara andainya berlaku sebarang masalah waris di Hilir Dato' Lela Maharaja berkuasa menyelesaikannya. Andainya masalah ini tidak dapat diselesaikannya barulah dibawa ke pengetahuan Dato' Andika Mendulika. Ini bermakna wujud aturan tugas dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh seluruh pemimpin di Sungai Ujong.

Bagi waris di Air pula wujud 4 pecahan yang berhak untuk menjadi Dato' Bandar seperti yang telah dinyatakan iaitu,

⁴⁶M.B. Hooker, op.cit, hal. 151.

1. Nenek Sulong --> Buapaknya Seri Amar Raja
2. Susudara --> Buapaknya Seri Amar Menteri
3. Susuganda --> Buapaknya Dato Paduka
4. Tunggal --> Buapaknya Dato Menteri Penghulu⁴⁷

Buapak-buapak waris Dato' Bandar ini mempunyai peranan yang sama seperti Buapak waris di Darat. Ia akan dijelaskan secara terperinci dalam bab tiga tesis ini.

Kedudukan Dato' Kelana dan Dato' Bandar ini berlainan dengan jawatan Yam Tuan Besar Negeri Sembilan. Yam Tuan Besar merupakan golongan mendatang yang dibawa masuk dari Sumatera oleh pembesar-pembesar adat. Adalah dianggarkan antara tahun 1760 hingga 1770 satu perutusan pemegang-pemegang adat atau pemegang undang-undang dari Negeri Sembilan telah pergi ke Minangkabau. Sebelum ke Minangkabau mereka mengadap Sultan Johor untuk memohon seorang pemerintah. Oleh kerana kerajaan Johor sibuk dengan usaha untuk menentang Portugis di samping masalah dalaman, kerajaan Johor tidak dapat memenuhi permintaan mereka. Lalu utusan ini terus ke Minangkabau dan pergi ke Pagaruyung untuk mencari seorang pemimpin atau ketua (Raja atau Sultan).⁴⁸ Raja Pagaruyung telah berkenan

⁴⁷Ibid, hal. 156.

⁴⁸J.M. Gullick, op-cit, hal. 38. Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, Pustaka Asasi Negeri Seremban, hal. 23.

mengirimkan seorang puteranya ke Negeri Sembilan yang bernama Raja Muhammad yang kemudiannya dipanggil dengan Raja Melewar. Ia telah dinobatkan menjadi Yam Tuan Besar Negeri Sembilan pertama pada 1773.⁴⁹ Sejak dari itu Negeri Sembilan amnya dan Sungai Ujong khususnya telah lengkap mempunyai sistem pemerintahan yang unik dari Buapak hingga ke Undang dan Yam Tuan Besar. Penyusunan bertingkat ini melambangkan satu bentuk pemerentahan yang mengamalkan ciri-ciri demokratis. Ini sesuai dengan perbilangan adat,

Anak buah melantik Buapak
 Buapak melantik Lembaga
 Lembaga melantik undang
 Undang melantik Yam Tuan Besar

Dalam melantik seseorang Buapak hingga ke Undang unsur pemuafakatan dan persetujuan semua ahli masyarakat adalah penting dalam Adat Perpatih. Ini bersesuaian dengan perbilangan adat yang berbunyi,

"Bulat air kerana pemetung,
 bulat manusia kerana muafakat".

Ciri-ciri murni ini masih lagi dikekalkan oleh masyarakat pengamal Adat Perpatih amnya, khususnya di Sungai Ujong. Dalam semua perlantikan pemegang-pemegang adat akan

⁴⁹Abdul Samad Idris, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Seremban, 1961, hal. 12.

mengadakan mesyuarat.⁵⁰ Dalam mesyuarat ini kata sepakat akan cuba dicapai melalui perundingan. Pada kebiasaannya masyarakat atau kerapatan ini akan diadakan di Balai Undang atau kediaman seseorang Lembaga. Walau bagaimanapun semua ini bergantung kepada kepentingan sebuah masyarakat itu.

⁵⁰Dinamakan kerapatan adat untuk mencari kebulatan dalam memilih sesuatu calon untuk mengisi sesuatu jawatan.

BIBLIOGRAFI

Sumber Awalan

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, Seremban 1957.

Risalat Cenderamata Hari Perayaan Jubli Perak 1946-71 Dato' Kelana, Sabtu 27 Mac, Balai Undang 1971.

Surat Dato' Shahbandar Sungai Ujong 1922.

Surat Dato' Maharaja Lela Zamhari Hj. Abdul Rahman Kepada Yang Di Pertuan Besar 24 Mac, 1988.

Sumber PenduaBuku

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.

_____, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah, Pustaka Asas Negeri, Seremban, 1966.

_____, Takhta Kerajaan Negeri Sembilan, Pustaka Negeri, Seremban, 1961.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.

Abdullah Taib, Asas-asas Antropologi, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.

- Abd. Rahman Mohamad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Penerbit Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
- Abas Hj. Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadat, Pustaka Negeri, Seremban, 1953.
- Cowan C.D., Tanah Melayu Kurun Ke 19, Asal Usul Penguasaan Politik British (Terjemahan) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.
- Gullick J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1978.
- Hooker M.B., Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Singapura, 1971.
- Hanafiah M.A., Tinjauan Adat Minangkabau, Bandung, 1970.
- Idrus Hakimy Dt. Raja Penghulu, Pegangan Penghulu di Minangkabau, CV Rosda Bandung, 1978.
- Iskandar Carey, Orang Asli, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976.
- Josselin D. Jong, Minangkabau And N. Sembilan, Nijhot, The Hague, 1951.
- Khoo Kay Kim, The Western Malay State 1850-73, Oxford University Press, London, 1972.
- Kreemar, J., Atjeh, E.J. Brill, Laiden, 1923.
- Karnal Singh Sandhu, Indian In Malaya, Cambridge University Press, England, 1969.
- Khazin Mohd Tamrin, Orang-orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1984.
- Mansoer, Sejarah Minangkabau, Penerbit Bahratarata, Djakarta, 1980.

- Mary Turnbull, C., A Short History of Malaysia Singapore And Brunei Graham Brash, Singapore, 1980.
- Mohd Taib Osman, Bunga Rampai Kebudayaan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1988.
- Mokhtar Haji Mohd Dom, Haji Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Penerbit Federal, Kuala Lumpur, 1977.
- Mohamad Idris Hj. Abdullah, Asal Usul Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Malay Press, Kuala Pilah, 1962.
- Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
- Nordin Bachik, Adat Perpatih, Koleksi Adat Perpatih, Balai Budaya dan Penyelidikan N. Sembilan, 1990.
- Nordin Yaakub, Dt. B., Minangkabau Tanah Pusaka, Pustaka Indonesia, Bukit Tinggi, 1987.
- Nagara Biasa, Dato', Tombo dan Sisilah Adat Alam Minangkabau, CV Elengra, Bandung, 1965.
- Ooi Jin Bee, Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
- Swift M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, The Athlone Press, New York, 1956.
- Shellabear, W.G., Sejarah Melayu, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
- Syed Alwi Sheikh Al Hadi, Adat Resam Dan Adat Istiadat Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980.
- Tate D.J.M., The Making of Modern South East Asia, Vol. 1, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1971.

Winstedt, Sejarah Melayu, Oxford University Press, Singapore, 1960.

_____, The Malays, A Cultural History, Graham Brash (Pte), Singapore 1981.

Zakiah Hanum, Asal Usul Negeri-negeri di Malaysia, Times Book International, Singapore, 1953.

Zainal Kling, Dr., Masyarakat Melayu, Utusan Publication And Distributors, Kuala Lumpur, 1977.

Jurnal

Bland, Aturan Sungai Ujong, JSBRAS, 1895

Gullick, J.M., Sungai Ujong, JMBRAS, 1949.

Ibrahim Mustapha, Sejarah Rengas Kedatangan Orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, Waris, 1982.

Caldecot, A., Jelebu Its History and Constitutions, PMS, Second Series, Kuala Lumpur, Government Press, 1912.

Martin Listern, The Negeri Sembilan Their Origin And Constitution, JSBRAS, No. 19, 1887.

_____, Malay Law in Negeri Sembilan, JSBRAS x, 10 22, 1890.

Mohd Idris Hj. Abdullah, Salasilah Dato' Perpatih Nan Sebatang, Mastika, Ogos, 1955.

Kadir Yusof, Mengenal Adat Perpatih, Dewan Masyarakat, April, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.

Norman H.D., Adat Perpatih, Suku Dari Satu Tinjauan, Mastika, Julai 1976.

O'Brien, Esquile, Jelebu, JSBRAS, 1984.

Parr, C.W.L and W.H. Mackray, Rembau, One of the Nine States, Its History, Constitution and customs, JSBRAS, 1920.

Sheehan, J.J., dan Abdul Aziz Khamis, Adat Kuala Pilah, JMBRAS, 1920.

Taylor, E.W., Customary Law of Rembau, JMBRAS, 1929.

Wisntedt, R.O., Negeri Sembilan : The History, Policy and Beliefs of the Nine States, JMBRAS, Vol. 12, PT. 3, 1934.

_____, Josselin De Jong, A Digest of Customary Law From Sungai Ujong, JMBRAS, 1954.

_____, History of Negeri Sembilan, Part 1 JSBRAS, 1921.

Wilkinson, R.J., Sungai Ujong, JSBRAS, Vol. 83, 1921.

Zainal Abidin Ahmad, The Origin of Some Malay Place Names, JMBRAS, Vol. 3, PT. 1-1925.

Kertas Kerja (Seminar)

Abdul Samad Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 10-12 April, Seremban, 1974.

Mohd Sharif Fakeh Hassan, Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan, Seminar Persejarahan Dan Adat, Majlis Belia Negeri, Seremban, 1974.

Nordin Selat, Pemimpin Dalam Adat Perpatih, Seminar Persejarahan dan Adat, Majlis Belia Negeri, Seremban 1974.

Shahrom Mohd Dom, Bendahara Sekudai Satu Metos, Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.

Akhbar

Berita Harian, 11.7.1983.

Berita Harian, 1.8.1983.

Berita Harian, 28.8.1983.

Berita Harian, 12.9.1985.

Berita Harian, 29.9.1985.

Berita Harian, 8.11.1985.

Berita Harian, 6.1.1986.

Berita Harian, 26.2.1986.

Berita Harian, 28.2.1986.

Berita Harian, 29.8.1986.

Berita Harian, 11.8.1983.

Berita Harian, 30.8.1986.

Berita Harian, 3.9.1986.

Berita Harian, 5.9.1986.

Berita Harian, 16.12.1986.

Berita Harian, 17.11.1990.

SENARAI TEMURAMAH

1. Dato' Andulika Mendulika Fadzil Nordin.

Umur : 57 tahun
 Pekerjaan: Kerja Kampung
 Tarikh : 23/11/1990
 Pendidikan: Darjah 7 Sekolah Melayu.
 Alamat : Kampung Pantai, Seremban, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Orang yang bertanggungjawab dalam perlantikan Dato' Kelana dan Dato' Bandar.

2. Dato' Akhirzaman Rantau Salihan Ismail

Umur : 54 tahun
 Pekerjaan: Kerja Kampung
 Tarikh : 27 Nov., 1990
 Pendidikan: Darjah 7 Sekolah Melayu.
 Alamat : 31, Rumah Murah Kuala Sawah, Rantau, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Orang yang bertanggungjawab dalam perlantikan Dato' Kelana dan Dato' Bandar.

3. Dato' Muda Labu Zainudin Abdullah

Umur : 76 tahun
 Pekerjaan: Pencen (Penghulu)
 Alamat : Kampong Pajam, Nilai, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Dato' Bergajah Tunggal menjadi Lembaga Tiang Balai dalam perlantikan Dato' Bandar.

4. Dato' Paduka Besar Adam Hussein

Umur : 65 tahun
 Pekerjaan: Peneroka Felde
 Alamat : Felde LBJ, Seremban, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Timbalan Dato' Muda Labu Lembaga Waris di Air

5. Dato' Johan Razali

Umur : 57 tahun
 Pekerjaan: Kerja Kampung
 Tarikh : 25 Nov., 1990
 Pendidikan: Darjah 7 Sekolah Melayu.
 Alamat : Kampung Pelegung Batu 8 Labu, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Dato' Johan Tua Waris Hulu. Menjadi penasihat tidak resmi kepada Dato' Bandar sekarang.

6. Dato' Dagang Paroi Mohd Nor Abdullah

Umur : 70 tahun
 Pekerjaan: Pesara (Penghulu)
 Pendidikan: Sekolah Inggeris
 Tarikh : 22hb Februari 1991
 Kaitan : Dato' Dagang menjadi Lembaga Tiang Balai bila melantik Dato' Kelana tapi tidak terlibat secara langsung dalam perlantikan Dato' Bandar.

7. Dato' Andatar Setul, Abdul Aziz

Umur : 60 tahun
 Pekerjaan: Pesara Polis
 Tarikh : 27 Nov., 1990
 Pendidikan: Darjah 7 Sekolah Melayu.
 Alamat : 31, Rumah Murah Kuala Sawah, Rantau, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Dato' Lembaga Tiang Balai Sungai Ujong. Orang yang bertanggungjawab dalam perlantikan Dato' Kelana dan Dato' Bandar.

8. Dato' Paduka Raja Awaludin Jomo

Umur : 76 tahun
 Pekerjaan: Pesara Polis
 Tarikh : 25 Jan., 1991
 Pendidikan: Sekolah Inggeris
 Alamat : Kampung Tirui, Batu 7 Labu, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Lembaga Waris di Air (Waris Bandar) Tua Lembaga Waris Di Air.

9. Dato' Seri Amar Menterī, Kahar Sikin

Umur : 75 tahun
 Pekerjaan: Pesara Kastam
 Tarikh : 7 Jan., 1991
 Pendidikan: Sekolah Inggeris
 Alamat : Kampung Kening Bt. 8 Labu, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Dato' Lembaga yang mengetuai kerapatan perut
 Susudara yang menyandang pesaka Dato' Bandar
 hari ini.

10. Tuan Haji Mohamad bin Jaino

Umur : 60 tahun
 Pekerjaan: Pesara Guru
 Tarikh : 12 Dis., 1990
 Pendidikan: Sekolah Inggeris
 Alamat : Tingkat 3, Bangunan UMNO Seremban, Negeri
 Sembilan.
 Kaitan : Setiausaha Penyelidikan Adat Perpatih Sungai
 Ujong.


11. Dato' Hj. Mohd Isa Hj. Abd. Samad


Umur : 40an tahun
 Pekerjaan: Menteri Besar
 Tarikh : 28 Jan., 1991
 Pendidikan: Universiti Malaya
 Alamat : Pejabat Menteri Besar, Bangunan Setiausaha
 Kerajaan Negeri.
 Kaitan : Menteri Besar Negeri Sembilan.

12. Hj. Mohd Sharif Fakeh Hassan

Umur : 63 tahun
 Pekerjaan: Pesara Guru
 Tarikh : 11 Okt., 1989
 Pendidikan: Sekolah Melayu.
 Alamat : Rembau, Negeri Sembilan.
 Kaitan : Lembaga Waris Rembau. Orang tengah dan
 menjadi pakar rujuk dalam Adat Perpatih di
 Negeri Sembilan.


SALASILAH SUKU BIDUANDA






Dipetik daripada :

R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, JSBRAS. 1921. Hal 125.




Di petik daripada:

R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, JSBRAS. 1921. Hal 125.



Di petik daripada:

R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, JSBRAS. 1921. Hal 125.



Bendahara Sekudai
m
Batin Sibujaya

To' Semerga
m
Lebai Mamat (Pasai)

To'Sulong (P)

Dato' keling

To' Susu
Tunggal (P)

To' Susu
Ganda (P)

To'Susu
Dara (P)